

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

\*Penularan COVID-19

# KKM pantau, pastikan vaksin selamat diguna

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) akan terus memantau keselamatan semua jenis vaksin COVID-19 di negara ini susulan dakwaan kononnya vaksin jenis Comirnaty Bivalent COVID-19 boleh menyebabkan strok iskemik.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata vaksin bivalent itu sudah mendapat kelulusan pendaftaran bersyarat daripada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), KKM pada 13 Disember lalu, namun ia masih belum digunakan di negara ini.

"Berdasarkan data dikemukakan kepada NPRA oleh pihak syarikat pemegang pendaftaran produk, Pfizer Sdn Bhd, tiada laporan kes strok untuk vaksin Comirnaty Bivalent COVID-19 dalam kajian klinikal yang dijalankan.

"Memandangkan vaksin ini diberikan kelulusan pendaftaran bersyarat pada 13 Disember 2022, pihak syarikat mesti mengemukakan data keselamatan terkini secara berperingkat selepas vaksinasi.

"NPRA akan mengikuti rapat data serta analisis di negara rujukan mengenai vaksin ini dan semua vaksin COVID-19 yang digunakan di negara ini," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas artikel yang diterbitkan



Orang ramai digalakkan mengambil suntikan dos penggalak di kemudahan kesihatan yang disediakan. (Foto hiasan)

kan Reuters, mengenai ancaman kesihatan akibat penggunaan vaksin itu.

Artikel bertajuk 'US FDA, CDC see early signal of possible Pfizer bivalent Covid shot link to stroke', itu diterbitkan pada Ahad lalu.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, setakat ini signal keselamatan berkaitan strok iskemik atau strok yang terjadi akibat saluran darah tersumbat itu hanya dilaporkan menerusi Pi-

hak Berkuasa Dadah dan Makanan (FDA) Amerika Syarikat (AS) serta Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) AS.

### Siasat signal keselamatan

Beliau berkata, tiada signal keselamatan menunjukkan pengambilan vaksin itu boleh menyebabkan strok iskemik, dikesan melalui lain-lain sistem pemantauan keselamatan di AS dan negara rujukan lain.

"Maklumat daripada FDA AS dan CDC AS itu dikesan daripada satu pangkalan data pemantauan keselamatan iaitu Vaccine Safety Datalink (VSD).

"Semua signal keselamatan yang dikesan perlu disiasat dan dinilai terlebih dahulu sebelum disahkan. Namun, setakat ini, tiada signal keselamatan dikesan melalui lain-lain sistem pemantauan keselamatan di AS seperti Vaccine Adverse Event Reporting

Tiada signal keselamatan menunjukkan pengambilan vaksin itu boleh menyebabkan strok iskemik, dikesan melalui lain-lain sistem pemantauan keselamatan di AS dan negara rujukan lain

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah



System (VAERS) dan negara rujukan lain.

"Analisis lanjut juga tidak mengesahkan signal keselamatan itu," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, NPRA akan mengikuti rapat data serta analisis di negara rujukan mengenai vaksin bivalent itu dan semua vaksin COVID-19 yang digunakan di negara ini bagi memastikan keselamatan rakyat negara ini.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

# Peranti vape ala-ala mainan!

Rokok elektronik dengan imej kartun, warna boleh heret remaja, kanak-kanak jadi penagih

Oleh Mohd Jamilul  
Anbia Md Denin  
anbia@hmetro.com.my

## Putrajaya

Barat taktik 'perang saraf' bagi menarik perhatian remaja apabila muncul produk rokok elektronik (e-rokok) atau vape menyerupai mainan kanak-kanak di pasaran.

Kehadiran vape dengan saiz lebih kecil itu, selain berbentuk pod pakai buang dibimbangi boleh mengheret golongan muda itu menjadi penagih vape.

Ketua Pasukan Bertindak Berhenti Merokok, Kluster Perubatan dan Kesihatan, Akademi Profesor Malaysia Prof Mohamad Haniki Nik Mohamed berkata, rokok elektronik dengan rupa menyerupai imej kartun atau warna menarik boleh menarik perhatian golongan remaja dan kanak-kanak.

"Isu ini serius kerana ia mendedahkan kanak-kanak dan remaja kepada nikotin yang digunakan dalam kebanyakan cecair vape.

"Nikotin diketahui amat berbahaya terhadap otak terutama bagi golongan muda sedang berkembang. Selain menyebabkan ketagihan, gejala menghisap vape dikalangan remaja turut me-



SEBANYAK 15.6 peratus remaja berusia 15 hingga 19 tahun didapati menggunakan produk tembakau.

ningkatkan risiko ketagihan nikotin berpanjangan, gangguan emosi dan perkembangan serta penyalahgunaan najis dadah," katanya.

Jelasnya, rokok elektronik atau vape kini dipasarkan dengan mencontohi pengiklanan rokok yang didapati sangat berjaya.

"Ini termasuk menekankan identiti kebebasan dan pilihan gaya hidup, menggunakan pengaruh selebriti dan influencer serta aktiviti bergaya serta menyeronokkan.

"Vape dalam bentuk mainan tular di media sosial menunjukkan betapa pentingnya Rang Undang-Undang Kawalan Tembakau dan Amalan Merokok serta Generasi Penamat diluluskan segera bagi mengelakkan lebih ramai kanak-kanak dan remaja di Malaysia menjadi penagih nikotin te-

gar," katanya.

Pendedahan vape bentuk mainan kanak-kanak sebelum ini mendapat kritikan warganet yang menganggap ia cubaan mengeksploitasi kanak-kanak untuk keuntungan.

Malah bukan sesuatu yang pelik apabila makin ramai remaja sekolah terjebak dan menjadi penghisap vape te-  
gar susulan alat itu murah dan semakin mudah dibeli.

Sebelum ini Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah mendedahkan 15.6 peratus remaja berusia 15 hingga 19 tahun di negara ini menggunakan produk tembakau.

Dapatan diperoleh hasil Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan pada 2019.

"Daripada peratusan itu, 11.6 peratus golongan itu adalah perokok aktif dan 7.5 peratus menggunakan rokok elektronik (vape)," katanya.



VAPE berbentuk mainan kanak-kanak yang tular di media sosial hingga mendapat kecaman ramai.

## Rasa nak cuba sebab bentuk menarik

**Ampang Jaya:** Peranti rokok elektronik (e-rokok) atau vape dikenali sebagai *Pod Tiger* kini mula memasuki pasaran dan

menjadi kegunaan pengguna berikutan bentuknya mirip permainan kanak-kanak atau *lego*.

Tinjauan wartawan Harian Metro di dua premis di Taman Cempaka dan Pandan Indah di sini, mendapati vape comel berkenaan dijual pada harga RM35 seunit dan mempunyai pel-

bagai perisa.

Ketika tinjauan dilakukan, beberapa pengguna termasuk wanita turut sama membeli produk vape itu yang popular dan tular di media sosial.

Pengguna vape hanya mahu dikenali sebagai Erin, 20-an, berkata, dia bukan penghisap te-  
gar vape atau rokok elektronik namun membeli *pod tiger* itu kerana reka bentuknya menarik perhatian.

"Saya mulanya ternampak rupa

bentuk vape ini di aplikasi TikTok. Ramai rakan sudah memilikinya. Disebabkan itu saya terus ke premis ini untuk mendapatkannya.

"Memang ada rasa mahu cuba (menghisap vape) berdasarkan reka bentuknya yang menarik.

Jadi saya beli dahulu untuk simpanan dan akan mencubanya selepas ini," katanya.

Sementara itu, peniaga di premis vape itu memaklumkan stok bagi pod berkenaan mulai masuk ke pasaran tempatan sejak bulan lalu.

"Tapi sekarang stok sudah tidak banyak dik (wartawan) kalau nak

beli kena beli sekarang, barang ni dah viral (tular).

"Budak-budak (pelajar sekolah) juga ada membeli, bukan setakat *Pod Tiger* tapi vape biasa juga mereka ada beli, sekarang mereka dah *advance* (maju)," katanya.

Dalam pada itu, pod menyerupai mainan kanak-kanak berkenaan turut dijual di dalam talian di beberapa platform e-dagang.

"Vape biasa juga mereka ada beli, sekarang mereka dah *advance* (maju) Peniaga vape"

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : LOKAL

## Ibu kecewa sikap kakitangan hospital

**Kota Bharu:** "Saya dan suami merayu supaya anak dimasukkan ke hospital kerana keadaan dia masih lemah, namun doktor beri alasan wad penuh selain menggunakan perkataan yang tidak sepatutnya," kata seorang ibu yang meluahkan tidak puas hati dengan layanan doktor di Hospital Pasir Mas (HPM).

Terdahulu, Azimah Abdullah Zawawi, 41, memuat naik luahan tidak puas hati di Facebook yang mengatakan anaknya tidak diberi rawatan sewajarnya ketika menerima rawatan di HPM Sabtu lalu.

Ketika dihubungi semalam, Azimah berkata, anak lelakinya yang berusia 16 tahun cedera di muka dan mulut akibat kemalangan motosikal, Sabtu lalu dan di hantar ke Unit Kecemasan HPM untuk rawatan.

Bagaimanapun katanya, sebaik luka di mulut anaknya dijahit, doktor meminta Adam Mikhail Nor Azrean, anak kedua daripada tiga beradik itu dibawa pulang walaupun keadaannya ketika itu masih lemah dan muntah-muntah.

"Berkali-kali saya merayu selain meminta anak dipindah ke Hospital Raya Perempuan Zainab II (HRPZ II) memandangkan keesokan anak perlu dirujuk ke pakar bedah mulut hospital itu, namun alasan sama turut diberikan.

"Kecewa dengan situasi itu, saya bawa anak ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) dan mengemukakan apabila pegawai perubatan memeriksa anak meminta jahitan di mulut dibuka semula kerana dijahit dengan begitu 'daif'.

"Saya juga dimaklumkan anak mengalami retakan di muka dan patah dagu yang memerlukan rawatan lanjut," katanya.

Justeru, beliau memohon Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) membuat pemantauan terhadap sikap dan tindakan kakitangan yang bertugas kerana ia membabitkan nyawa.

Sementara itu, Pengarah JKNC, Datuk Dr Zaini Husein berkata, pihaknya menjalankan siasatan berhubung dakwaan itu.

+

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 26

RUANGAN : GAYA

# Lebih 20,000 kes patah tulang pinggul menjelang 2050

GAYA hidup sihat mengurangkan risiko osteoporosis.  
- GAMBAR HIASAN



Oleh ROSALINDA MD.SAID  
rosalinda.said@mediamula.com.my

**K**ES patah tulang pinggul akibat osteoporosis di negara ini dijangka meningkat kepada 20,893 menjelang 2050, berbanding 5,880 yang direkodkan pada 2018.

Peningkatan 3.6 kali ganda itu menjadikan Malaysia sebagai negara tertinggi di Asia yang berdepan risiko penyakit berkenaan, mengatasi Singapura, Hong Kong, Korea dan Thailand.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kajian pada 2020 mendapati, kesemua pesakit memerlukan alat bantuan berjalan selepas mereka keluar dari hospital.

Namun, katanya, hanya 24 peratus atau satu daripada empat pesakit yang memperoleh semula mobiliti dan kebolehan untuk berkahari, enam bulan kemudian.

Menurutnya, baki 26 peratus atau satu daripada empat pesakit pula mati



TAKLIMAT media *Jangan Biarkan Osteoporosis Mematahkan Anda* di Kuala Lumpur, kelmarin.

dalam tempoh setahun selepas mengalami kepechahan tersebut.

"Kepechahan tulang pinggul lazimnya melibatkan kalangan warga emas. Rakyat Malaysia semakin tua dan mempunyai jangka hayat lama, justeru lebih ramai yang akan menghidap

penyakit tidak berjangkit berkaitan usia, termasuk osteoporosis," katanya ketika merasmikan taklimat media *Jangan Biarkan Osteoporosis Mematahkan Anda*, kelmarin.

Yang turut hadir, Presiden Persatuan Osteoporosis Malaysia (MOS), Dr. Yeap Swan Sim; pakar perunding geriatrik,

Dr. Terence Ong Ing Wei dan Pakar Perunding Bedah Kanan Ortopedik, Prof. Datuk Dr. Sabarul Afian Moktar.

Noor Hisham berkata, osteoporosis berlaku apabila tulang mengalami kehilangan ketumpatan yang teruk hingga mengakibatkan kepechahan



Kepechahan tulang pinggul lazimnya melibatkan kalangan warga emas. Rakyat Malaysia semakin tua dan mempunyai jangka hayat lama, justeru lebih ramai yang akan menghidap penyakit tidak berjangkit berkaitan usia, termasuk osteoporosis."

yang boleh dikaitkan dengan ketidakupayaan dan kematian pramatang.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 27

RUANGAN : GAYA

Katanya, penyakit serius itu memerlukan pengesanan awal, intervensi dan pengurusan walaupun pada peringkat akhir.

Sehubungan itu, beliau menyeru pakar penjagaan kesihatan untuk menggunakan Garis Panduan Amalan Klinikal (CPG) bagi membuat keputusan klinikal yang penting dan tepat pada masanya.

"Memulakan amalan-amalan terbaik akan meningkatkan kualiti kehidupan pesakit yang semakin tua dan membantu mengurangkan impak osteoporosis yang dijangka meningkat dalam masa tidak begitu jauh ke hadapan," katanya.

#### NISBAH HAMPİR SAMA DENGAN DIABETIS

Percaya atau tidak, jumlah kekerapan kes osteoporosis yang dilaporkan di Malaysia hampir sama dengan penyakit diabetes.


Ing Wei berkata, ketika ini, satu daripada lima golongan dewasa di negara ini menghidap diabetes.

"Manakala, osteoporosis pula menjejaskan satu daripada enam orang dewasa yang berumur antara 45 hingga 90 tahun.

"Penyakit diabetes dapat menimbulkan perasaan takut dan bimbang dalam kalangan masyarakat, namun berbeza dengan osteoporosis kerana orang ramai tidak begitu mengambil berat tentangnya," katanya.



**NOOR Hisham Abdullah menyampaikan ucapan menerusi rakaman video pada taklimat media *Jangan Biarkan Osteoporosis Mematahkan Anda*, kelmarin.**



Menurut Ing Wei, persepsi kononnya kehilangan ketumpatan tulang, jatuh dan kepatahan adalah sebahagian daripada proses penuaan semula jadi tidak tepat kerana ia turut dipengaruhi pelbagai faktor.

Katanya, kesihatan tulang boleh terjejas akibat kekurangan aktiviti fizikal,

#### OSTEOPOROSIS

- » Golongan berisiko: Warga emas, peminum minuman keras, perokok, mengalami gangguan hormon dan pemakanan, masalah malserapan dan artritis, mempunyai sejarah osteoporosis dalam keluarga, mengambil ubatan seperti steroid, mengalami tempoh tidak aktif yang lama serta para penjaga pesakit.
- » Lazimnya dikesan pada peringkat akhir iaitu selepas kepatahan tulang berlaku.
- » Pada ketika itu, pesakit telah mengalami kehilangan ketumpatan tulang yang banyak dan rawatan tidak dapat memulihkan semula kehilangan tersebut.
- » Rawatan lebih bertujuan untuk mengurangkan sebanyak mungkin kesan buruk akibat kepatahan tulang dialami oleh pesakit.

mengikuti trend diet, merokok, minum minuman keras dan perubahan tahap hormon berkaitan usia seperti estrogen pada wanita, manakala testosteron pada lelaki yang semakin tua.

## Usah tangguh pembedahan

SABARUL Afian berkata, intervensi pembedahan awal mungkin diperlukan bagi warga emas yang patah tulang pinggul hingga menjejaskan pergerakan mereka.

Katanya, matlamat utama rawatan itu adalah untuk menanggung berat dan pengembalian kepada aktiviti normal.

"Yayasan Osteoporosis Antarabangsa (IOF) dan CPG ada mencadangkan agar pembedahan dijalankan dalam tempoh 48 jam selepas kepatahan berlaku.

"Namun, menurut sebuah laporan, purata pembedahan di Malaysia dijalankan selepas lima hingga tujuh hari dan punca kelewatan itu disebabkan pelbagai faktor antaranya komorbiditi pesakit, bebanan kewangan dan ruang waktu di hospital

awam," katanya.

Sabarul Afian berkata, segelintir hospital kini turut menawarkan perkhidmatan hubungan fraktur (FLS) dan ia terbukti berkesan dalam meningkatkan hasil rawatan pesakit.

Dalam pada itu, beliau menekankan kepentingan pencegahan sekunder bagi mengelak kepatahan kali kedua atau seterusnya.

Katanya, kemungkinan untuk pesakit mengalami kepatahan tulang dalam tempoh setahun selepas patah pertama ialah lima kali ganda.

"Oleh itu, adalah penting bagi anda untuk mengambil ubat anti-osteoporosis bersama suplemen kalsium dan vitamin D yang mencukupi serta melakukan senaman menahan berat badan yang betul.

"Golongan berisiko tinggi untuk mengalami kejatuhan harus menjalani penilaian risiko jatuh berbilang faktor dan intervensi," katanya.

**OSTEOPOROSIS berlaku apabila tulang mengalami kehilangan ketumpatan yang teruk hingga mengakibatkan kepatahan yang boleh dikaitkan dengan ketidakupayaan dan kematian pramatang.**

